



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 1996

**IMBUHAN TETAP KERAJIAN,
BANTUAN PEMBANTU RUMAH DAN MENYELENGGARA RUMAH
PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai tinggi Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

2. Elaun dan kemudahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
 - (a) Imbuhan Tetap Kerajaan;
 - (b) Bayaran Bantuan Pembantu Rumah; dan
 - (c) Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah.

KADAR BAYARAN

3. Kadar bayaran dan kaedah pelaksanaan bagi elaun dan kemudahan tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Imbuan Tetap Keraian

3.1.1 Kadar baru Imbuan Tetap Keraian bagi pegawai PDRM yang berkelayakan adalah seperti berikut:

JAWATAN	KADAR BARU (RM SEBULAN)
Ketua Polis Negara	5,100
Timbalan Ketua Polis Negara	4,000
Pesuruhjaya Polis	3,050
Timbalan Pesuruhjaya Polis	2,500

3.2 Bayaran Bantuan Pembantu Rumah

3.2.1 Kadar Bayaran Bantuan Pembantu Rumah bagi pegawai PDRM yang berkelayakan adalah seperti berikut:

JAWATAN	KADAR BARU (RM SEBULAN)
Ketua Polis Negara	1,000
Timbalan Ketua Polis Negara	500
Pesuruhjaya Polis	500
Timbalan Pesuruhjaya Polis	500

3.2.2 Pegawai tersebut di atas, dimana jawatan atau kediamannya disediakan dengan Penunggu Rumah, Penjaga Rumah, Tukang Masak, Tukang Kebun dan sebagainya yang tergolong sebagai Pembantu Rumah, maka kelayakan kadar bayaran yang ditetapkan seperti di atas hendaklah ditolak sebanyak RM500 sebulan bagi setiap orang penyandang Pembantu Rumah yang disediakan.

3.3 Bayaran Bantuan Penyelenggara Rumah

3.3.1 Kadar Bayaran Bantuan Penyelenggara Rumah bagi pegawai PDRM yang berkelayakan adalah seperti berikut:

JAWATAN	KADAR BARU (RM SETAHUN)
Ketua Polis Negara	3,000
Timbalan Ketua Polis Negara	2,000
Pesuruhjaya Polis	2,000
Timbalan Pesuruhjaya Polis	2,000

3.3.2 Pegawai yang disediakan Rumah Khas Jawatan mengikut perkhidmatannya dan di mana rumah tersebut diselenggara oleh Kerajaan, **tidak** layak Bayaran Bantuan Penyelenggara Rumah.

3.3.3 Bayaran Bantuan ini ditetapkan atas kadar **tahunan**. Ini bermakna kadar bantuan adalah bagi tempoh Januari hingga Disember bagi sesuatu tahun. Pegawai yang dinaikkan pangkat selepas Januari akan dibayar bantuan ini secara *proportionate* mulai bulan pegawai dinaikkan pangkat. Peraturan bagi bayaran bantuan ini adalah seperti berikut:

- (a) Formula perkiraan secara *proportionate* adalah -

Bil.bulan mulai bulan pegawai

layak hingga bulan Disember X Kadar kelayakan jawatan

12

Contoh:

- (i) pegawai dinaikkan pangkat ke Timbalan Pesuruhjaya Polis pada 20 Julai 1996, bayaran yang beliau layak terima bagi tahun 1996 dikira mulai bulan Julai hingga Disember seperti berikut:

$$\frac{6}{12} \times \text{RM2,000} = \text{RM1,000}$$

- (ii) Jika pegawai berpangkat Timbalan Ketua Polis Negara bersara atas umur bersara wajib pada 2 Ogos 1996, bayaran yang beliau layak terima adalah:

$$\frac{8}{12} \times \text{RM2,000} = \text{RM1,333.30}$$

- 3.3.4 Pegawai yang bersara pada 1 Ogos tidak akan layak bantuan ini untuk bulan Ogos.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 28 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1980 serta perenggan 2 dalam Lampiran N, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1991 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

10 OKTOBER 1996